



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

“Malaysia harapkan tindakan bersepadu dunia terhadap Denggi”
Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-66, di Geneva, Switzerland

Delegasi Malaysia di Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-66 di Geneva, Switzerland menyokong penuh draf resolusi ‘Neglected Tropical Diseases’ yang telah dibincangkan pada perhimpunan tersebut. Malaysia menggesa secretariat WHO dan negara-negara anggota untuk memberikan perhatian khas kepada penyakit demam Denggi yang didapati telah meningkat dengan secara mendadak sejak 50 tahun yang lalu di seluruh dunia. Wabak denggi kini telah merebak ke lebih daripada 100 buah Negara dengan peningkatan dua kali ganda jumlah kes yang dilaporkan kepada WHO iaitu dari 1.2 juta pada tahun 2008 kepada 2.3 juta pada 2010. Statistik WHO menganggarkan lebih 40% daripada penduduk dunia terdedah kepada risiko penyakit Denggi serta beban penyakit ini telah menyaingi penyakit Malaria di seluruh dunia.

Tambahan pula, tiada vaksin serta rawatan khusus yang berkesan untuk merawat penyakit ini. Kawalan vektor adalah merupakan strategi utama dalam pengawalan demam Denggi, tetapi nyamuk *Aedes* didapati membiak dengan mudah di mana-mana sahaja di iklim sub-tropika seperti di Malaysia. Selain dari itu, virus Denggi juga boleh dipindahkan dari satu generasi ke generasi nyamuk *Aedes* melalui proses ‘transoviral’ dan mengekal kehadiran virus tersebut di dalam populasi nyamuk berkenaan. Oleh itu, strategi untuk menghapuskan pembiakan nyamuk *Aedes* dan menghentikan penyebaran penyakit demam Denggi melalui kaedah sedia ada adalah amat sukar.

Oleh itu, masyarakat antarabangsa dan WHO perlu bertindak dengan lebih pantas dan tersusun serta memaksimumkan sumber sediaada bagi mencari kaedah yang lebih baik bagi mengawal denggi. Jika tidak, denggi boleh menjadi masalah kesihatan global yang paling penting dalam dekad yang akan datang. Pembangunan pesat dan urbanisasi, peningkatan perjalanan antarabangsa serta masaalah pemanasan global dunia menyumbang kearah peningkatan kes denggi di peringkat global. Oleh itu delegasi Malaysia menyarankan agar penyakit demam Denggi dijadikan sebagai salah satu agenda utama masyarakat dunia.

Di peringkat nasional, sejak 5 minggu yang lepas terdapat tren peningkatan kes denggi secara berterusan dilaporkan di Malaysia. Bermula dari 19 hingga 26 Mei 2013, sejumlah 508 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu meningkat sebanyak 5 kes (1%) berbanding dengan 503 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Denggi adalah sebanyak 9,837 kes, berbanding dengan 10,003 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012 (Lampiran A). Sejumlah 90 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 6 negeri iaitu 40 lokaliti di Selangor, 26 lokaliti di Johor, 21 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan masing-masing 1 lokaliti di Perak, Terengganu dan Sabah. Jika tiada tindakan daripada masyarakat dan semua pihak berkenaan, kes serta kematian denggi akan terus meningkat di Malaysia. Aktiviti mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk *Aedes* perlu ditingkatkan oleh semua lapisan masyarakat.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

27 Mei 2013

Draf penuh nota intervensi yang dibentangkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) pada Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-66, di Geneva, Switzerland pada 25 Mei 2013 disertakan di Lampiran B.

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2013
(19 Mei hingga 26 Mei 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 21/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 21/2012
		Minggu 21 (19 Mei – 26 Mei 2013)	Minggu 20 (12 Mei – 18 Mei 2013)		
1	Perlis	4	1	59	77
2	Kedah	17	17	307 (1)	346 (1)
3	P. Pinang	12	10	268	366 (1)
4	Perak	31	33	795	669 (1)
5	Selangor	208	210 (1)	4,178 (2)	4,547 (10)
6	WPKL & Putrajaya	67 (1)	58	854 (5)	1,020 (3)
7	N. Sembilan	11	12	224	183 (1)
8	Melaka	11	8	187	270
9	Johor	77	87	1,123 (7)	705 (1)
10	Pahang	7	10	215	303 (1)
11	Terengganu	17	11	109	348
12	Kelantan	26	17	544	534
13	Sarawak	13	16	679 (2)	426
14	Sabah	5	13	293 (1)	202 (1)
15	WP Labuan	2	0	2	7
	Jumlah	508 (1)	503 (1)	9,837 (18)	9,607 (20)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.

**INTERVENTION NOTE BY DATUK DR LOKMAN HAKIM SULAIMAN
DEPUTY DIRECTOR GENERAL (PUBLIC HEALTH)**

“Malaysia call for more concerted global R&D effort against dengue at 66th World Health Assembly, Geneva, Switzerland, 25th May 2013”.

While we support the adoption of the draft resolution EB132.R7, Malaysia would like to urge WHO secretariat and member states to give special attention to dengue among those neglected tropical diseases. According to WHO fact sheet, dengue has grown dramatically. 50 years ago, only 9 countries experienced severe outbreak of the disease, but now it is endemic in more than 100 countries. The number of reported cases to WHO has also doubled in just 2 years from 1.2 million in 2008 to 2.3 million in 2010. Current estimate by WHO put the number of cases at 50-100 million cases per year but the most recent credible estimate by a multinational study just published in the Lancet, it trippled the WHO estimate at 360 million per year with 40% of global population at risk. This estimate showed that dengue has already rivalled malaria in terms of global disease burden and population at risk.

Compared to malaria, it is more challenging to control dengue. There is no effective vaccine as yet and unlike malaria, there is no effective medication to treat the ailment. We cannot protect human host using bednet because of the mosquito vector biting habit during the day time. We only have one strategy i.e vector control, but unlike malaria vector, Aedes breeding ecosystem is so varied and broad, coupled with transovarial transmission capacity that sustain the virus in mosquito population, eliminating Aedes breeding and stopping disease transmission through conventional vector control strategies currently practice is almost impossible. Indeed in ASEAN member states dengue is not a neglected

disease, we even observed Dengue Day on 16 June every year and spending million of dollars on direct dengue control activities but it is not getting anywhere.

Thus, we must enhance global investment in dengue R&D to provide us with effective, practical and affordable surveillance, diagnostic, treatment, prevention and control tools. For dengue, we need these tools to implement the recommendations of the Secretariat Report as articulated in Para 18 of the document A66/20 and resolution EB132.R7. Thus, unless we act fast and in a more coordinate manner to maximise resources and potentials, dengue may become the most important global health problem in the next decade which we can no longer ignore or neglect. The risk is real with continuing global warming, rapid urbanisation and increasing travel, which are recognised contributing factors to dengue endemicity and spread. We look forward to WHO Secretariat and Special Program for Tropical Disease Research (TDR) leaderships in this direction.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Deputy Director General (Public Health)

Ministry of Health Malaysia